

# PHARMANIAGA PYRAZINAMIDE TABLET

Pyrazinamide (500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet

Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet diguna bersama-sama dengan ubat-ubatan lain untuk merawat batuk kering yang juga dikenali sebagai TB. *Tuberculosis* ialah jangkitan bakteria yang memberi kesan terutamanya kepada paru-paru tetapi ia juga boleh berlaku di organ-organ lain di dalam badan.

## Bagaimana Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet berfungsi

Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet mengandungi bahan aktif pyrazinamide yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai anti-jangkitan.

Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet bertindak terhadap bakteria yang menyebabkan TB tetapi mesti diguna bersama dengan ubat TB lain dan tidak boleh diguna secara sendirian.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet jika anda ada :

- Alahan kepada mana-mana ubat yang mengandungi pyrazinamide
- Alahan kepada mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- Sedang menyusukan bayi
- Penyakit hati/buah pinggang
- Terlalu banyak asid urik dalam darah (juga dikenali sebagai *hyperuricaemia*) yang mungkin atau tidak mungkin menyebabkan gout atau artritis gout.

Jangan beri Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet kepada kanak-kanak. Keselamatan ubat ini belum dipastikan pada kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda dikoyak. Jika ia telah tamat tempoh atau rosak, kembalikan ubat ini kepada ahli farmasi anda untuk pelupusan.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda hamil atau merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang manfaat dan risiko yang akan berlaku.

Beritahu doktor jika anda menghadapi masalah kesihatan yang berikut:

- Gout atau artritis gout
- Kencing manis

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai alahan kepada mana-mana ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna ataupun kerap minum arak.

Jika anda tidak memberitahu doktor atau ahli farmasi tentang mana-mana di atas, beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum anda mula mengambil Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain.

## Cara menggunakan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet

### -Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Setiap biji Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet mengandungi 500mg pyrazinamide.

Dos yang disyorkan untuk orang dewasa secara oral ialah 15 mg hingga 35 mg per kg berat badan untuk maksimum 3g (6 biji) setiap hari yang diberikan dalam 3 atau 4 dos yang sama jarak.

Dos 20 mg per kg telah digunakan untuk kanak-kanak jika tiada alternatif lain yang sesuai.

### -Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Digalakkan mengambil ubat ini selepas makan.

Pada kebiasaan, anda akan diminta makan ubat ini sekali sehari dan disyorkan diambil pada masa yang sama dengan ubat TB lain.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Rawatan TB memerlukan penggunaan ubat untuk jangka masa panjang. Jangan hentikan makan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet kecuali dengan nasihat doktor anda.

# PHARMANIAGA PYRAZINAMIDE TABLET

Pyrazinamide (500mg)

## -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala-gejala terlebih dos adalah sama seperti gejala kesan sampingan

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan seperti mana diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi.

Sekiranya anad perlu mendapat rawatan lain, pastikan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi dimaklumkan bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet dengan sesiapa,

walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi

#### perhatian

### **Memandu dan mengendalikan jentera**

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Jika anda perlu mendapat vaksinasi, sila beritahu doktor yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

### **Kesan-kesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda mengambil Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet.

Rawatan dengan ubat ini adalah mujarab untuk kebanyakan orang yang menghidapi penyakit TB tetapi kadangkala dikaitkan dengan kesan sampingan yang tidak diingini dalam beberapa orang. Semua ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan jadi jangan khuatir dengan kesan sampingan yang disenaraikan. Kadang-kadang kesan yang dialami adalah tidak serius tetapi kebanyakannya adalah tidak serius dan anda tidak akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan berikut dan ia membimbangkan anda:

- Mual, loya dan muntah
- Hilang selera makan
- Sakit perut
- Demam
- Berasa tidak sihat

Ini adalah kesan-kesan sampingan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet yang biasa. Sebahagian besar kesan sampingan tersebut adalah ringan.

Senarai berikut adalah kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi sangat serius. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami apa-apa yang membuat anda berasa tidak sihat. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera atau rawatan di hospital. Jika mana-mana daripada yang berikut berlaku, pergi ke jabatan kecemasan dan kecemasan di hospital terdekat:

- Kuning pada kulit dan/atau mata, juga dikenali sebagai penyakit kuning
- Tanda-tanda anemia, seperti keletihan, sesak nafas, dan kelihatan pucat
- Sakit dan bengkak sendi
- Serangan gout
- Sakit ketika membuang air kecil
- Reaksi alahan termasuk ruam, gatal berwarna merah jambu, bengkak yang gatal pada kulit, juga dikenali sebagai ruam yang bengkak yang gatal dan kemerahan
- Kehilangan berat badan yang tidak normal

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang dan hanya dapat dikesan apabila doktor anda melakukan ujian tertentu dari semasa ke semasa untuk memeriksa perkembangan kesihatan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet**

#### -Penyimpanan

Simpan Pharmaniaga Pyrazinamide Tablet di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

# PHARMANIAGA PYRAZINAMIDE TABLET

Pyrazinamide (500mg)

---

Jangan simpan ubat di dalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta. Keparasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

## Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih kekuningan, bulat, tepi berbentuk serong dengan garisan belahan di satu permukaan dan tiada apa-apa tanda di permukaan yang lain.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Pyrazinamide 500mg

-Bahan tidak aktif:

Talcum, Purified Water, Potassium Sorbate, Magnesium Stearate, Cornstarch, Croscarmellose Sodium, Lactose.

### -Nombor MAL

MAL19920525AZ

## **Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

14/12/2017

## **Nombor siri**

NPRA(R4/1)051217/00339